

Fesyen kanak-kanak raikan Piala Dunia 2014

» Sesuai untuk si kecil aktif, minat bola sepak

Oleh Fatin Hafizah
Mohd Shahr
fatin@bh.com.my

Kemunculan istimewa Piala Dunia Brazil 2014 pada musim panas bukan saja dinantikan perhatian peminat bola sepak tetapi membuka ruang kepada kelainan dalam industri fesyen.

Meraikan acara dinanti-nantikan itu, salah satu jenama popular bagi pakaian kanak-kanak di Malaysia, Snails & Sons tampil melancarkan koleksi istimewa Piala Dunia Brazil 2014.

Koleksi mengutamakan keselesaan dan tahan lasak, sekali gus membenarkan kanak-kanak aktif meneroka persekitarannya sambil bergaya. Kehadiran koleksi berkenaan sesuai sekali untuk kanak-kanak yang aktif dan amat meminati bola sepak.

Koleksi semangat bola

Memberikan peluang kepada kanak-kanak meraikan sambil menyokong pasukan digemari,

koleksi menampilkan lapan rekaan kemeja Polo berbeza.

Penyokong cilik pasukan yang popular antaranya Jerman, Itali, Brazil, Sepanyol, England dan lain-lain sepanjang menyaksikan menyaksikan perlawanan digemari mereka.

Menyerlahkan gaya si cilik, ia digandingkan dengan seluar pendek yang menonjolkan bendera pasukan popular bakal bertanding di Piala Dunia Brazil 2014. Ia turut menampilkan lagi semangat kesukanan.

Gaya urban si cilik

Snails & Sons turut menawarkan koleksi bertemakan 'pengembara urban' untuk kanak-kanak yang bercita-cita meneroka dunia melalui pengembaraan.

Koleksi ini menampilkan rekaan selesa dan berwarna-warni serta mudah di gayakan.

Cetakan grafik pada kemeja-T inspirasi konsep *collegiate* diyakini dapat membuatkan kanak-kanak kelihatan kemas walaupun sepanjang pengembaraan.

Gabungan rona merah, biru, dan hijau adalah warna utama bagi koleksi ini, i semestinya menam-

bahkan keseronokan musim ini.

Koleksi bagi kanak-kanak lelaki turut diserlahkan pada kemeja bercorak petak dalam warna utama dipadankan bersama seluar pendek kargo dan jeans. Kemeja T juga boleh didapati dalam corak berjalur dan grafik yang menggambarkan keseronokkan zaman kolej.

Didapatkan juga koleksi kanak-kanak perempuan yang menampilkan corak bunga dan kasual denim skirts selesa serta mengikut fesyen terkini.

Jalinan rona oren, hijau, merah, kuning dan merah jambu bukan saja cukup ceria tetapi melambangkan sikap feminin si comel.



Gembira dapat seluar denim

Oleh Siti Nur Almizan Aripin
sitinuralmizan@bh.com.my


Bagi kanak-kanak yang mengahuni rumah kebajikan, bantuan berbentuk makanan dan wang tentunya paling utama untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Baru-baru ini jenama denim Levi's memilih untuk memberi kejutan kepada penghuni Rumah Kebajikan Ti-Ratana di Salak Selatan, Selangor, dengan menghadiahkan setiap mereka sehelai seluar denim baharu.

Sumbangan seluar denim diharapkan, mampu melonjakkan semangat dan keyakinan dalam diri kanak-kanak terbahit menghadapi cabaran.

Pengurus Kanan Pemasaran Levi's Asia Tenggara, Joleyn Chin, berkata pemberian sepasang denim Levi's mungkin kelihatan luar biasa tetapi mahu mereka menerima sesuatu yang istimewa.

"Atas nama pemberian ikhlas, kami mahu mereka menda-



pat barang yang eksklusif dan kerana itu kami berikan mereka sepasang denim Levi's untuk membuat kanak-kanak gembira berkenaan gembira," katanya.

Tidak mampu beli

Rata-rata penghuni berusia lapan hingga 17 tahun cukup teruja apabila kakitangan Levi's datang bersama 500 pasang denim Levi's dalam pelbagai potongan, rekaan dan warna ke Rumah Kebajikan Ti-Ratana.

"Setiap kanak-kanak perlu tahu bagaimana rasa dihargai dan kami tidak dapat fikirkan cara lain selain menghadiahkan mereka sepasang denim Levi's.

"Kami harap mereka gembira memakainya seperti mana perasaan kami sendiri. Ia berbaloi dengan apa yang tergambar pada wajah anak-anak ini saat menerima hadiah daripada kami," kata Chin,

Sementara itu, penghuni Rumah Kebajikan Ti-Ratana, Teh Wai Keat, 12, mengakui tidak menyangka menerima seluar



Penghuni Rumah Kebajikan Ti-Ratana gembira mendapat sumbangan daripada Levi's.

denim baharu keyika menerima kunjungan daripada kakitangan Levi's.

"Saya bayangkan tentunya mereka akan berikan kami keperluan asas biasa kami terima tetapi cukup terkejut apabila diberikan sepasang seluar denim.

"Saya tidak tahu jenama ini sebelum ini, tetapi saya berasa selesa dan bergaya memakainya. Hari ini ia sangat menggembi-

rakan saya," katanya.

Rakannya, Jennis Lai, 17, berkata beliau pernah mendengar mengenai kualiti dan keselesaan ditawarkan jenama Levi's sebelum ini tetapi tidak pernah mengimpikan akan memilikinya.

"Hari ini saya pilih sepasang seluar denim kaki sendat. Ia boleh disuai padan dengan banyak baju," katanya tersenyum gembira.